


**Jilid III  
Bil. 19**



**MALAYSIA**

**Hari Selasa  
20hb Disember, 1977**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEEMPAT**  
*Fourth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**USUL-USUL:**

**Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 1737]**

**Merakamkan Ucapan Takziah di atas berpulangnya ke Rahmatullah  
Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat  
[Ruangan 1737]**

**Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1750]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAlDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH BIN JAFARUDDIN (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENDERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN V. V. ABOO, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR TITINGAN BIN DAMSANI, S.P.D.K., P.G.D.K., A.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J. (Johor).
- „ TUAN HAJI AHMAD AZIZUDDIN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN, P.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALI BIN AHMAD, A.M.N. (Perlis).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN CHOO CHING HWA, K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ DATUK SERI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, A.M.N., P.B.M. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

- Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ TUAN M. MAHALINGAM (Dilantik).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN MOHAMAD (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Dilantik).
- „ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, A.M.N., J.P., P.J.K. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Sabah).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ PUAN HAJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ TUAN V. S. M. VELLAYAPPA, S.D.K., A.M.N., J.P. (Kedah).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Pemangku Setiausaha Dewan Negara: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

## MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

---

Selasa, 20hb Disember, 1977

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## USUL-USUL

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2), Dewan ini akan terus menimbang Usul Takziah di atas berpulangnya ke Rahmatullah Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**Timbalan Menteri Kewangan (Puan Rafidah Aziz):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 13 (2), Dewan ini akan terus menimbang Usul Takziah di atas berpulangnya ke Rahmatullah Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

**MERAKAMKAN UCAPAN TAKZIAH  
DI ATAS BERPULANGNYA KE  
RAHMATULLAH TAN SRI DATUK  
HAJI NIK AHMED KAMIL, YANG  
DI-PERTUA DEWAN RAKYAT**

2.31 ptg.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manikavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan amat dukacita dan sedih mohon mengemukakan di Dewan yang mulia ini satu usul yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20hb Disember, 1977 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil telah meninggal dunia pada awal pagi ini setelah diserang penyakit jantung waktu berada di Dewan Rakyat lewat petang semalam 19hb Disember, 1977. Beliau meninggal dunia dalam usianya 68 tahun.

Allahyarham Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil ialah seorang anak Malaysia yang terkenal di dalam careernya sebagai seorang pentadbir dan diplomat yang ulung serta juga sebagai seorang ahli politik yang berpengalaman dan dihormati ramai. Beliau adalah seorang pejuang kebangsaan yang gigih yang telah menuntun kemerdekaan tanahair bersama-sama dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj dan Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein pada waktu sebelum negara kita ini mencapai kemerdekaan dahulu.

Allahyarham dilahirkan di Kota Bharu, Kelantan pada 7hb Julai, 1909 dan setelah tamat pengajiannya di Maktab Melayu Kuala Kangsar beliau telah melanjutkan pelajarannya di bidang undang-undang dan lulus sebagai peguam, Lincoln's Inn dalam tahun 1930. Dalam tahun 1931 Allahyarham telah berkhidmat sebagai pegawai pentadbir di Kelantan dan dalam tahun 1934 hingga 1938 beliau telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Oleh kerana pengalamannya yang amat luas di bidang pentadbiran itu, Allahyarham telah mula-mula dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan selama 10 tahun mulai tahun

1938. Selepas itu Allahyarham telah dilantik pula sebagai Menteri Besar Kelantan dalam tahun 1948 sehingga tahun 1953.

Dalam masa empat tahun selepas itu Allahyarham telah dilantik oleh Kerajaan British sebagai Member Majlis Dewan Undangan, Persekutuan Tanah Melayu atau Member of Executive and Legislative Councils of the Federation of Malaya dalam tahun 1953 hingga tahun 1956. Pada ketika Tanah Melayu diperintah mengikut dasar "Member System" Tan Sri Datuk Nik Ahmed Kamil telah dilantik sebagai Member bagi menguruskan Hal Ehwal Tanah, Lombong dan Perhubungan dan seterusnya beliau telah juga ditugaskan menjadi Member Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Perancangan Bandar.

Pada ketika Persekutuan Tanah Melayu bergolak menuntut kemerdekaan daripada penjajah beliau telah juga bersama-sama berjuang untuk membebaskan tanahairnya daripada pemerintahan Inggeris. Atas sebab inilah beliau telah menjadi anggota di dalam Rombongan menuntut kemerdekaan tanahair dari tangan Inggeris dalam tahun 1956 dahulu. Beliau telah pergi ke London bersama-sama dengan Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahmat Putra Al-haj, Allahyarham Tun Haji Abdul Razak dan lain-lain mewakili Raja-raja Melayu.

Selepas mencapai kemerdekaan pada 31hb Ogos, 1957 beliau telah dilantik oleh Kerajaan sebagai Pesuruhjaya Tinggi yang pertama ke United Kingdom sehingga bulan Februari, 1958.

Dalam bulan Mac, 1959 Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil telah sekali lagi ditugaskan tanggungjawab yang amat berat bagi negaranya iaitu menjadi Duta Besar ke Amerika Syarikat dan Wakil Tetap Malaya (kemudiannya Malaysia) ke Bangsa-bangsa Bersatu di New York. Semasa menjadi wakil negara kita ke Amerika Syarikat beliau telah menjalankan tugasnya dengan cemerlang dan di atas kebijaksanaannya itu nama Malaya telah disanjung tinggi oleh negara-negara Barat.

Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil telah bersara daripada perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1962 setelah berkhidmat dengan Kerajaan selama 31 tahun, mulamulanya sebagai Pegawai Pentadbir dan akhirnya sekali sebagai Duta Besar kita di Amerika Syarikat.

Setelah bersara Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil telah menumpukan pula perkhidmatannya di dalam lapangan politik dengan lebih aktif lagi sehingga beliau menang dalam Pilihanraya tahun 1964 menjadi Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Bharu Hilir. Beliau telah sekali lagi memenangi pilihanraya dalam tahun 1969 bagi kawasan Ulu Kelantan sehingga tahun 1974.

Pada 4hb November, 1974, Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil telah dipilih menjadi Speaker Dewan Rakyat menggantikan Allahyarham Dato, C. M. Yusof. Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil di samping menjadi Speaker telah juga dipilih menjadi Pengerusi Tetap Perhimpunan Agung UMNO. Beliau pernah juga menjadi Ahli Majlis Tertinggi UMNO untuk beberapa tahun ini.

Sebagai mengenangkan jasa-jasanya yang amat besar kepada negara beliau telah dikurniakan berbagai-bagai bintang kehormatan termasuklah Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara yang telah dianugerahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil bukan sahaja aktif dalam lapangan politik, beliau juga terkenal sebagai seorang ahli perniagaan yang bijak. Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil juga menjadi ahli kepada beberapa badan sukarela, badan-badan sukan dan Pro-Chancellor Universiti Kebangsaan, Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan, saya dan semua Ahli-ahli Dewan Negara ini amat sedih dan terharu di atas kehilangan Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil dan bagi pihak Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini saya dengan tulus ikhlasnya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Moga-moga Tuhan mencucuri rahmat ke atas Rohnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani.

2.43 ptg.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Raza-leigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Saya juga turut berasa terharu dan amat dukacita sekali dan berasa sedih di atas kehilangan Allahyarham Yang Berhormat

Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil yang telah berpulang ke Rahmatullah pada awal-awal pagi ini. Saya kenal rapat dengan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil sejak saya dilahirkan lagi, kerana beliau merupakan seorang anak ataupun putra Malaysia yang dilahirkan di Kelantan dan memang mempunyai hubungan rapat dengan keluarga saya sendiri.

Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil adalah orangnya peramah, dapat bercampur gaul dengan tua dan muda, tidak kira taraf kedudukan seseorang itu, kerana beliau mempunyai himmah untuk bercampur dan bekerjasama dengan orang. Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil telah banyak berjasa kepada tanahairnya sebagaimana yang telah dilafaskan oleh Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam tadi, beliau bukan sahaja seorang diplomat, pentadbir, ahli politik bahkan juga seorang sukarelawan di samping menjadi seorang peniaga yang ulung di tanahair kita ini yang telah banyak memberi dan mencurahkan jasa yang cemerlang terhadap bangsa dan negaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di saat yang sedih ini, saya sukalah menyatakan di sini bahawa orang yang rapat dengannya sudah tahu dan kenal Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil siapa orangnya. Tetapi bagi orang yang tidak berpeluang bercampur gaul dengan Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil ini, mungkin ianya disifatkan sebagai seorang bekas Menteri Besar, bekas seorang ahli politik, bekas seorang diplomat dan bekas seorang pentadbir di dalam negara kita ini. Tetapi sebenarnya Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil ini yang lahir sebagai seorang bangsawan ialah orang yang mempunyai jiwa rakyat. Beliau telah menjadi Menteri Besar semasa beliau hanya berumur 28 tahun lebih dan telahpun menjalankan pentadbiran negeri Kelantan setelah dilantik sebagai Menteri Besar itu sehinggalah Perang Dunia Kedua dan selepas memberi khidmat bakti kepada negeri Kelantan beliau pula kerana jasa-jasa yang cemerlang itu telah diambil untuk menduduki di dalam Dewan Undangan Persekutuan dan selepas itulah beliau dipilih untuk menjadi seorang anggota Kabinet pada masa itu di bawah pemerintah jajahan. Boleh dikatakan Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil ini adalah seorang putra Malaysia yang boleh disifatkan sebagai all-rounder dalam bidang perniagaan, bidang banking, bidang diplomacy, bidang politik,

bidang pentadbiran. Boleh dikatakan tidak ada siapa yang boleh bertanding dengannya dalam khidmat-khidmat baktinya kepada kita sekalian.

Saya rasa sukalah menyatakan di sini bahawa bukan sahaja Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil telah berjasa di bidang-bidang ini tetapi beliau telah juga menyumbangkan banyak tenaganya dan wang ringgit terhadap pertubuhan-pertubuhan sukarela yang beliau pimpin. Boleh dikatakan berpuluh-puluh badan yang dipimpin bukan setakat badan yang hanya memberi khidmat kepada rakyat dalam negeri ini bahkan juga badan-badan yang ada kaitannya dengan hubungan antarabangsa. Beliau dikenali di seluruh dunia semasa beliau bertugas sebagai Duta kita di Amerika Syarikat dan di Bangsa-bangsa Bersatu. Beliau pernah disebut-sebut untuk menjadi Setiausaha Agong Bangsa-bangsa Bersatu kerana khidmat cemerlang kepada pertubuhan itu semasa beliau bertugas di sana sebagai Duta kita. Maka hari ini kita berasa sedih kerana kehilangan seorang putra yang telah banyak berjasa kepada bangsa dan juga kepada negaranya sejak ia mula-mula mencurahkan khidmat kepada kita sekalian dan saya dengan ini bagi pihak Kerajaan bersama-sama menyampaikan ucapan setinggi-tinggi takziah kepada keluarganya semoga Allah akan mencucuri rahmat ke atas rohnyanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan Usul atas nama Yang Berhormat Menteri Perhubungan untuk dibahaskan.

2.49 *ptg.*

**Tuan Kamarul Ariffin bin Haji Mohamed Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, dengan kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil pada awal pagi ini maka hilanglah seorang anak watan yang sukar ditandingi. Kejayaan beliau semasa hidupnya telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam dan Yang Berhormat Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah sebentar tadi dan saya tidaklah ingin menyebutnya semula.

Tuan Yang di-Pertua, saya mula kenal Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil pada tahun 1957 semasa beliau menyandang jawatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia yang pertama di United

Kingdom yang mana pada masa itu saya hanya seorang penuntut sahaja. Tetapi sifat Allahyarham, ialah tidak mengenal taraf, beliau menganggap seseorang itu sebagai sama taraf dengannya. Saya sedar beliau adalah sebagai pangkat bapa kepada saya tetapi beliau menganggap saya dan saya percaya sesiapa juga yang kenal dengannya sebagai seorang kawan yang rapat dan begitulah sifat Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berkecimpung di dalam berbagai-bagai badan bersama dengan Allahyarham dalam badan ekonomi, dalam syarikat-syarikat yang sama kami menduduki sebagai Pengarah, badan sukarela yang lain dan yang mungkin penting ialah dalam badan berkaitan dengan Parlimen sendiri. Beliau terkenal sebagai Ahli Parlimen yang disegani, bukan sahaja di negara kita tetapi di mana sahaja ada Parlimen. Beliau telah menjadi wakil kita ke Persidangan International Parliamentary Union, saya tidak ingat berapa kali Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil telah menjadi wakil kita. Begitu juga di dalam badan Commonwealth Parliamentary Association, beliau terkenal dan yang baru-baru sekali yang mana saya turut hadir bersama ialah semasa kita menubuhkan Asean Parliamentary Organisation di Manila pada bulan Ogos yang lepas. Semasa badan itu ditubuhkan semuanya yang hadir menyanjung tinggi khidmat Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil sebagai jaguh yang ulung di dalam bidang Parlimen dan ini adalah satu penghormatan yang besar yang boleh diberi oleh Ahli-ahli Parlimen kepada Allahyarham.

Hanya pagi semalam, Tuan Yang di-Pertua, saya menerima surat daripada Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil kerana saya telah menyampaikan satu buku kepadanya yang dikirimkan oleh seorang rakan beliau di Korea dan beliau telah mengucapkan terima kasih kepada saya kerana membawa buku itu balik dan menyerahkan kepadanya. Saya tidak sangka yang beliau akan pergi dengan secepat mungkin tetapi seruan Allah sudah sampai kepadanya dan saya bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya di sini berdoa supaya Tuhan mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil.

2.54 ptg.

**Datuk Dr C. Sinnadurai:** Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita sudah kehilangan seorang yang kita kasihi Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat. Beliau seorang negarawan yang tinggi semuanya serta mempunyai segala kehormatan yang paling tinggi.

*(Dengan izin)* He was very polite, a good host, and possessed the quality of humility and how true, Sir, is the saying, "A man dies to let another live".

Semuga Allahyarham dicucuri rahmat dan rahim oleh Tuhan yang maha besar dan maha berkuasa.

2.55 ptg.

**Datuk Seri Hussein bin Mohd. Noordin:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bersama-sama di sini menumpahkan perasaan dukacita ke atas kematian atau kepulangan Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil. Saya kenal Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil sebagai orang tua saya juga dan kawan. Apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri semasa mengemukakan usul ini pada pendapat saya adalah satu perasaan yang amat menyedihkan dan juga kehilangan yang tidak boleh dapat digantikan dengan mudah.

Biarlah saya bercakap dalam bidang perusahaan. Saya telah bersama-sama dengan Allahyarham ini memasuki di dalam bidang perusahaan dan perniagaan, iaitu daripada tahun 1962 waktu kami berdua telah dilantik oleh pihak Kerajaan menjadi Pengarah Malayan Banking Berhad dan apabila saya meletakkan jawatan, beliau terus berkhidmat di dalam Public Bank Berhad. Saya juga telah mengikuti Allahyarham di mana-mana persidangan antarabangsa dan didapati Allahyarham itu adalah disegani dan dihormati oleh peserta-peserta yang ada di dalam conference itu. Ini memadailah apa yang dicakapkan oleh Yang Berhormat tadi memang beliau adalah seorang yang terkenal dan telah memberi nama negara kita yang harum.

Saya juga berasa dukacita oleh sebab Allahyarham ini pada 17hb Disember, hari Sabtu iaitu kali yang akhir beliau datang ke pejabat saya di *Utusan Melayu* kerana ada

persidangan penting *Utusan Melayu* berkenaan dengan memberi tanggungaji baru kepada wartawan-wartawan serta pemberita-pemberita di *Utusan Melayu*. Selalunya Allahyarham datang terus ke Bilik Mesyuarat, tetapi hari itu beliau datang ke bilik saya dahulu iaitu setengah jam dahulu daripada mesyuarat. Beliau telah bercakap dengan saya dan bertanya mengenai kesihatan saya. Apabila saya bertanya balik kepada beliau mengenai kesihatannya, beliau berkata insya Allah dan saya pun jawab insya Allah, semuanya sihat. Itulah yang berasa di dalam hati saya seorang yang begitu kaliber sungguhpun jikalau tengok tepat kepada mukanya adalah berubah, tetapi oleh sebab hari itu adalah mesyuarat penting untuk memutuskan, iaitu merintis tanggungaji baru kepada kakitangan *Utusan Melayu*, maka beliau datang hari itu dengan berkata: Saya telah baca semua surat-surat itu, kertas kerja itu dan saya menyokong. Inilah satu perkhidmatan yang akhir bagi beliau sebagai Pengarah *Utusan Melayu* dan dengan ini saya bersama-sama juga dengan kawan-kawan saya hari ini menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham.

3.00 ptg.

**Tuan Michael Wong Kuan Lee:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul itu. Saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga Tan Sri Nik Ahmed Kamil, Speaker Dewan Rakyat telah meninggal dunia awal pagi ini.

Apa yang sedia maklum Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil selepas lulusnya Bar Final di London pada tahun 1930 sepanjang umurnya telah berkhidmat di beberapa tempat di negeri ini. Allahyarham berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan pada tahun 1938 hingga tahun 1948 dan sebagai Menteri Besar pada tahun 1948 hingga tahun 1953. Selepas itu Allahyarham telah dilantik sebagai Pesuruhjaya Tinggi ke Britain dan kemudian dilantik sebagai Ambassador ke Amerika Syarikat dan Wakil Tetap di Bangsa-bangsa Bersatu. Allahyarham telah dilantik sebagai Timbalan Speaker pada bulan Mac, 1971 dan sebagai Speaker pada bulan November, 1974. Beliau juga menjadi pengerusi dan pengarah beberapa syarikat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, Allahyarham ialah sebenarnya **anak** Malaysia atau dalam

bahasa Inggeris one of Malaysia's true sons. Beliau sepanjang umurnya telah mengorbankan dirinya demi kepentingan negara. Dengan kematian beliau negara ini merasa kehilangan yang besar sekali dan kesedihan khususnya kepada Ahli-ahli Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong usul ini.

3.03 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub:** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita menyatakan sokongan saya di atas cadangan bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20hb Disember, 1977 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyatakan perasaan dukacita kepada kehilangan seorang anak Malaysia dari bumiputra terutamanya dari negeri Kelantan dari negeri mana yang saya wakili dalam Dewan ini, bagi saya beliau adalah seorang yang payah kita hendak cari perbandingan, sebab bagi beliau sebagaimana telah Dewan ini maklumi dari kenyataan Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tadi bahawa beliau adalah seorang yang meliputi dalam segenap segi. Sebagai seorang bekas pelajar tinggi yang boleh dikatakan pertama kali bagi negeri Kelantan pada masanya, sebagai bekas Pegawai Tadbir yang susah hendak dicari bandingannya, sebagai Ahli Politik yang mana kalau kita mengulang kaji sejarah politik tanahair kita, nama beliau tidak asing dalam perjuangan kemerdekaan tanahair kita dan semasa kita sama-sama menentang Malayan Union dahulu perarakan yang diadakan di seluruh tanahair kita khususnya di negeri Kelantan adalah anjuran beliau bersama pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada sebagai seorang ahli politik tanahair kita juga beliau adalah sebagai seorang ahli diplomat yang sama-sama kita ketahui bahawa tidak asing dan memang terkenal di seluruh dunia bukan sahaja dalam tanahair kita dan begitu juga sebagai ahli perniagaan yang kita ketahui banyak beliau menyandang jawatan pengarah-pengarah syarikat baik di peringkat Malaysia ataupun international. Jadi

bagi saya amatlah kehilangan dengan kembalinya beliau ka Rahmatullah taala. Jadi sebagai seorang muslim, saya rasa amat baik sekali kalau sebelum saya datang tadi mungkin telah ada dihadiahkan Al-Fatihah oleh Dewan ini, maka saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua sekali lagi menganjurkan kita baca Fatihah bersama-sama (Al-Fatihah . . . .) dengan harapan bahawa Fatihah ini akan menjadi hadiah kepadanya dan kita iringi doa mudah-mudahan Allah cucuri rahmatnya ke atas rohnya dan kepada keluarganya, saya ikut sama mengucapkan takziah dan mudah-mudahan Allah mengurniakan banyak kesabaran kepada mereka sekalian.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya usul ini.

*3.06 ptg.*

**Datuk Haji Abu Bakar Titingan Damsani:** Alhamdulillah dan syukur Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini menyokong usul iaitu Dewan yang mulia ini menyampaikan setinggi-tinggi dukacita dan takziah kepada kaum keluarga Allahyarham kerana kepergian Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil.

Jasa dan bakti dan kemuliaan hati bukan sahaja saudara-saudara yang ada di Semenanjung yang merasa kehilangan, bahkan saya yakin dan percaya rakyat di Sabah pun turut berdukacita kerana rakyat Sabah juga tidak ketinggalan daripada mengikuti kewibawaan perjuangan hidup yang telah ditunjukkan dan dikorbankan oleh Allahyarham. Saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, tidak kenal dengan beliau melainkan dalam tahun 1969 semasa beliau menjadi Ketua Delegasi Persidangan Commonwealth Parliamentary Association yang dilangsungkan di Trinidad. Pada masa itulah saya dapat mengenal beliau dari dekat kerana layanan-layanan yang saya telah dapat perolehi selaku perwakilan dari Sabah dan kemudian daripada itu kami berselang hampir puluhan tahun tidak berjumpa, bila beliau dapati ataupun dengar saya telah terlantar di Hospital Assunta tidak disangka-sangka yang begitu lama perpisahan beliau telah mengunjungi saya ke hospital di dalam masa saya menjalani pembedahan. Ini menunjukkan seorang yang berhati mulia. Jadi kita mendoakan semoga roh Allahyarham ini Tuhan akan cucuri rahmat dan kita berharap semoga Tuhan akan perbanyakkan pemimpin-pemimpin yang

mulia hati yang berguna kepada Allah, berguna kepada masyarakat dan berguna kepada ugama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, ingin saya memberi tahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa telahpun diputuskan bahawa upacara pengkebumian rasmi akan diberikan kepada Allahyarham dan upacara pengkebumian akan bermula pada pukul 4.00 petang ini dari rumah Allahyarham di Petaling Jaya. Untuk membolehkan kita semua hadir di dalam upacara itu, saya meminta Ahli-ahli Yang Berhormat supaya meringkaskan ucapan seberapa yang boleh.

*3.09 ptg.*

**Puan Dasimah Dasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong usul yang dikemukakan oleh Menteri Perhubungan atas ucapan takziah kepada Allahyarham Tan Sri Nik Ahmed Kamil.

Saya berasa sedih oleh kerana saya juga berdamping dengan Allahyarham semenjak menubuhkan parti kita di Tanah Melayu sehingga hari ini beliau bila memandang muka tidak pernah masam walaupun orang semacam saya dan juga lain-lain orang yang miskin.

Saya berdoa ke hadrat Allah subhanahu wataala supaya Tuhan mengampunkan segala dosanya supaya Tuhan meletakkan roh Allahyarham itu ke tempat mercu yang tinggi sekali bersama dengan wali-wali Allah dan juga Rasul-rasul supaya roh itu dicucuri rahmat, mudah-mudahan bersamasalah kita mengucapkan takziah kepada keluarganya.

Demikianlah, Tuan Yang di-Pertua.

*3.12 ptg.*

**Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang untuk memberi suatu respect yang penghabisan kepada pejuang bangsa saya, iaitu Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil.

Saya kenal lama dengan Tan Sri dan bukan sahaja kenal lama tetapi jiran saya di Petaling Jaya dan kenal apa yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri tadi, perkara ini semuanya betul. Mudah-mudahan dicucuri rahmat oleh Allah ke atas rohnya dan saudara-mara dan

keluarganya bersabar oleh kerana setiap yang hidup akan mati, tetapi Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil adalah seorang seperti apa yang dikatakan oleh Menteri tadi seorang yang telah banyak berjasa kepada negara kita. Saya tidak dapat bercakap lebih panjang lagi tetapi saya berasa cukup sedih di atas peninggalan Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil.

3.14 ptg.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perasaan yang amat sedih, saya turut menyertai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam menyampaikan penghormatan saya kepada Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil. Saya telah kenal rapat dan secara peribadi Allahyarham Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil lebih dari 20 tahun. Beliau merupakan salah seorang anak watan Malaysia yang termasyhur yang saya sedia maklum Allahyarham sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan dengan secara tidak mementingkan diri sendiri dalam menjalankan urusannya kerana negara dan rakyat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan dukacita yang amat sangat di atas berpulangnya ke Rahmatullah Allahyarham Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Nik Ahmed Kamil, Yang di-Pertua Dewan Rakyat pada 20hb Disember, 1977 dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebagai mengenang jasa-jasa Allahyarham yang begitu banyak kepada

bangsa, negara dan ugama, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan semua yang hadir berdiri bersama-sama saya untuk bertafakkur selama dua minit dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Islam diharap menghadiahkan Fatihah sambil berdoa mudah-mudahan Allah cucuri rahmat ke atas roh Allahyarham itu.

*(Majlis bertafakkur selama dua minit dan yang beragama Islam menghadiahkan Fatihah)*

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani:

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Puan Rafidah Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Dewan ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 21hb Disember, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 3.17 petang.*